

NOTA PERCAKAPAN
YBHG. DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IPJPSM BIL.2/2020
IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
PADA 21 FEBRUARI 2020 (JUMAAT)
DEWAN DAMAR MINYAK IPJPSM

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullah wabarakatuh

Salam Sejahtera

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

Terima kasih juga kepada Encik yang telah memimpin bacaan doa sebentar tadi. Semoga majlis kita pagi ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah subhanahu wa'taala. In Sya Allah.

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar Dan Perancangan)

YBhg. Dato' Lim Kee Leng

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal)

YBrs. Encik Mohd Rahim B. Rani

Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

Puan Halimatusaadiah binti Ramli @ Mohd Shah

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Selaku Pengajur Majlis Perhimpunan Bulanan IPJPSM bulan Februari 2020

Pengarah-pengarah Bahagian dan Ketua-ketua Unit IPJPSM

YBhg Dato-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan

Warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang dihormati sekalian.

Dan seterusnya semua Pegawai dan warga Ibu Pejabat JPSM yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, kita semua dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bil. 2 Tahun 2020.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

1. PELANTIKAN SUB BAHAGIAN PENGURUSAN BIODIVERSITI DAN PERHUTANAN YANG BAHRU

Pada 3 Februari 2020 KATS telah mengumumkan pelantikan Cik Norsham bt Abdul Latip sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti Dan Perhutanan yang baharu bagi mengantikan YBhg. Dato' Wan Mazlan bin Wan Mahmood yang bertukar ke Jabatan Perdana Menteri. JPSM merakamkan penghargaan kepada mengantikan YBhg. Dato' Wan Mazlan bin Wan Mahmood di atas sumbangan beliau kepada JPSM.

2. PELANTIKAN KETUA PENGARAH JPS YANG BAHARU

YB Menteri KATS telah mengumumkan YBhg. Dato' Ir. Haji Nor Hisham bin Mohd Ghazali dilantik sebagai Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran Malaysia yang baru berkuatkuasa pada 20 Februari 2020. Selain itu, turut diumumkan ialah Dato' Ir. Dr. Mohd Azmi bin Ismail sebagai Timbalan ketua Pengarah Sektor Bisnes dan Ir. Hj. Nishad Mohamed bin Hj. C.J Mohd Shaffy sebagai Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pakar.

3. COVID-19

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya telah memaklumkan mengenai seorang rakyat Malaysia berusia 41 tahun dari Selangor menjadi rakyat Malaysia pertama yang dijangkiti. Adalah dilaporkan bahawa beliau telah pulang ke Malaysia pada 23 Disember 2019 selepas menghadiri persidangan dengan delegasi antarabangsa termasuk dari Republik Rakyat China (RRC) di Singapura dan disahkan positif 2019-nCOV ketika menerima rawatan di Hospital Sungai Buloh;

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi nama rasmi baharu coronavirus yang kali pertama dikenal pasti di China pada 31 Disember lalu. Ketua WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, nama COVID-19 dipilih sebagai singkatan Co untuk Corona, Vi untuk virus dan D untuk penyakit. COVID-19 dipilih bagi mengelak rujukan terhadap satu lokasi geografi tertentu, spesies haiwan atau sekumpulan orang, selaras cadangan antarabangsa untuk penamaan untuk mengelakkan stigmatisasi. WHO sebelum ini memberikan nama virus sementara iaitu penyakit pernafasan akut teruk sebagai 2019-nCoV.

Langkah Pencegahan Khususnya Pegawai bertugas di Luar stesen atau pulang ke Malaysia

- i. Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer);
- ii. Sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (mask) serta bahan pencuci (hand sanitizer) untuk digunakan sekiranya perlu;
- iii. Elakkan mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala;
- iv. Elakkan melawat lading haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan; dan
- v. Elakkan dari memakan sebarang produk haiwan yang mentah/tidak dimasak dengan sempurna.

4. PROGRAM GOTONG ROYONG TAMAN RIMBA WAWASAN

Pihak Direktorat JPSM merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga JPSM yang terlibat menjayakan Program Gotong Royong Rimba Wawasan pada 6 Februari 2020 yang lalu. Usaha baik ini dapat mewujudkan persekitaran tempat kerja dan kondusif selain dapat meningkatkan keprihatian dan komitmen warga JPSM terhadap kebersihan, keindahan dan keceriaan Jabatan. Pihak Jabatan berharap usaha murni ini dapat dilaksanakan setiap suku tahun.

5. SAMBUTAN HARI HUTAN ANTABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah memutuskan bahawa Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan tahun 2020 akan diadakan di Putrajaya pada tanggal 21 Mac 2020. Sambutan tahun ini bertemakan **Hutan dan Biodiversiti** akan dilaksanakan bersekali dengan Pelancaran Program Tanaman 100juta pokok selain Program Larian Hutan Kita. Dalam hal ini, seluruh warga JPSM diseluruh negara digerakkan untuk menjayakan program 3 dalam 1 pada 21 Mac 2020 nanti.

6. ASEAN CONFERENCE ON BIODIVERSITY 2020

- i. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dengan kerjasama ASEAN Centre for Biodiversity (ACB) akan menganjurkan Pameran ASEAN Conference on Biodiversity 2020 (ACB2020) yang bertemakan *Towards 2050: Living in Harmony with Nature*. Pameran tersebut akan berlangsung dari 16 hingga 20 Mac 2020 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.
- ii. Objektif utama pameran ini adalah berkongsi maklumat mengenai biodiversiti di rantau ASEAN serta pencapaian sasaran program sintesis berkaitan Biodiversiti Aichi yang telah dilaksanakan oleh Negara Anggota ASEAN. Selain itu, pameran ini juga menyediakan ruang untuk membincangkan dan menguatkan kedudukan ASEAN dalam input kepada Rangka Kerja Biodiversiti Global (GBF).

Sehubungan dengan itu, Jabatan ini selaku Sekretariat Pameran ACB 2020 akan menguruskan Pameran Biodiversiti meliputi:-

- i. 1 - Pavilion Malaysia;
- ii. 9 - Pavilion ASEAN;
- iii. 2 - Pavilion ACB dan UNDP; dan
- iv. 72 - Booth tempatan dan antarabangsa.

7. KUNJUNGAN HORMAT KESATUAN PEGAWAI HUTAN MELAYU SEMENANJUNG MALAYSIA

JPSM telah menerima kunjungan hormat daripada Kesatuan Pegawai Hutan Melayu Semenanjung Malaysia pada 7 Februari 2020. Beberapa perkara telah dibincangkan iaitu;

- i. Pekeliling KPPSM Bil.2 Tahun 2018 – Sukatan Peperiksaan Khas Untuk Pembantu Operasi dan Pembantu Awam Memasuki Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19;
- ii. Penyediaan Sukatan Peperiksaan Khas Untuk Pengawas Hutan Gred G19/G22/G26/G28 Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan Gred G29;
- iii. Keseragaman Status Terima Pakai Kelulusan Pakai Kelulusan Peperiksaan Khas Jabatan sebelum Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2016 bagi memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan G29 dan Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan G19;
- iv. Kenaikan Pangkat Perjawatan Bagi Kumpulan Pelaksana di IPJPSM dan JPN; dan

- v. Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil 2 Tahun 2019 – Peraturan dan Tatacara Pemakaian Pakaian Seragam.

8. HEBAHAN PENGAMBILAN PELATIH BAGI KURSUS SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN SESI 2020-2022 DAN SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN SESI 2020-2021 ANJURAN INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN

Dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mempelawa calon-calon yang layak untuk memohon bagi mengikuti Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2020-2022 dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2020-2021. Syarat-syarat kelayakan dan borang permohonan kursus boleh didapati melalui laman web rasmi JPSM www.forestry.gov.my. Permohonan juga boleh dilakukan secara atas talian melalui laman web <https://fortrain.forestry.gov.my>. Tarikh tutup permohonan adalah pada 10 Mac 2020.

9. KURSUS INDUKSI KHUSUS TAHUN 2020 KEPADA PEGAWAI LANTIKAN BAHARU

Sukacita dimaklumkan bahawa JPSM melalui Bahagian Latihan Perhutanan telah menganjurkan Kursus Induksi Khusus Tahun 2020 kepada pegawai lantikan baharu yang telah dilantik dari tahun 2016 hingga 2020. Kursus ini diadakan pada 17 Februari hingga 21 Februari 2020 bertempat di Dewan Seminar, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong. Kursus ini dihadiri oleh seramai 24 orang peserta di mana 20 orang daripadanya adalah dari Gred G41 yang dilantik antara tahun 2016 hingga 2019. Manakala baki empat (4) orang peserta lagi adalah dari

Gred 19 yang merupakan lantikan tahun 2020 iaitu tiga (3) orang adalah pengawas Hutan manakala seorang lagi adalah Pembantu Penyelidik.

10. NOTIS PENYIASATAN AWAM DI BAWAH SEKSYEN 11 AKTA PERHUTANAN NEGARA ENAKMEN (PEMAKAIAN) 1985: BANTAHAN TERHADAP CADANGAN UNTUK MENGELOUARKAN TANAH DARI KAWASAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA, MUKIM TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR SELUAS ±930.93 HEKTAR

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengambil maklum melalui notis penyiasatan awam yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor pada 5 Februari 2020 terhadap cadangan untuk mengeluarkan tanah dari kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara seluas 930.93 hektar bagi tujuan pembangunan bercampur. Berhubung perkara ini, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mengambil pendirian membantah terhadap cadangan untuk mengeluarkan tanah dari kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

11. PENAMATAN SERTA MERTA HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN WORLD WIDE FUND FOR NATURE (WWF)

Berdasarkan tindakan diambil oleh Kerajaan Republik Indonesia susulan tindakan WWF International dan WWF Jepun dilaporkan telah mengutus surat kepada Presiden *International Olympic Committee* pada 16 Januari 2020 bagi menolak penggunaan sumber minyak sawit melalui pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dan *Indonesian Sustainable Palm Oil* (ISPO) dan hanya menerima penggunaan minyak sawit yang diakui oleh *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) dalam penganjuran *Tokyo 2020 Olympic and Paralympic Games*. Tindakan WWF ini adalah tidak wajar dan atas sebab ini Kementerian telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan kerjasama dengan WWF Malaysia dalam ACB 2020 dan dalam tempoh 2 hingga 3 tahun. Tindakan WWF tersebut boleh mengancam usaha Kerajaan dalam mendapatkan kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap pensijilan MPSO yang telah diusahakan selama ini demi kepentingan komoditi utama negara. Pihak KATS juga telah dimaklumkan terdapat cubaan daripada WWF Malaysia untuk menggagalkan pembentangan RUU Hidupan Liar di Parlimen pada tahun 2010. YB Dato' Dr. Menteri supaya Kementerian segera memaklumkan kepada WWF Malaysia akan pendirian Kerajaan untuk memutuskan hubungan kerjasama dalam ACB 2020 sehingga tempoh tertentu.

12. JADUAL PEPERIKSAAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2020

JPSM mengendalikan peperiksaan bagi warga perhutanan iaitu :

(i) Peperiksaan Perkhidmatan

- a) Pengawas Hutan Gred G19;
- b) Penolong Pemelihara Hutan Gred; dan
- c) Pemelihara Hutan Gred G41.

(ii) Peperiksaan Khas Pembantu Operasi dan Pembantu Awam Memasuki Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19 iaitu POPA Tahap 1 dan POPA Tahap 2

Jadual Peperiksaan JPSM Tahun 2020 ini juga telah dimasukkan ke dalam laman web rasmi Jabatan. Warga perhutanan boleh melayari laman web JPSM serta memohon untuk menduduki mana-mana peperiksaan yang dirasakan sesuai. JPSM juga dalam usaha untuk melaksanakan Peperiksaan Khas Untuk Pembantu Pengawas Hutan Gred G19/22/26 Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29. Deraf sukatan bagi Peperiksaan Khas ini telah disediakan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia JPSM sebelum diangkat kepada Lembaga Peperiksaan Kementerian.

13. PELAKSANAAN LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT - SME) JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Seramai tiga (3) orang pegawai dari Jabatan ini telah memohon untuk memasuki Laluan Pakar Bidang Khusus iaitu :

- (i) Bidang Pengusahasilan Hutan – Sub Bidang Hutan Darat Tahap 1;
- (ii) Bidang Inventori Hutan – Sub Bidang Pengurusan Analisis Data Tahap 2; dan
- (iii) Bidang Pengusahasilan Hutan – Sub Bidang Hutan Darat Tahap 3

Semua pegawai berkenaan akan menjalani penilaian 360° oleh penilai-penilai dari kategori Penyelia, Rakan Sekerja dan Pegawai Bawahan pada bulan Mac 2020. Maka, diharapkan agar penilai-penilai yang menerima notifikasi dari Sistem Penilaian 360° SME dapat memberikan kerjasama dan penilaian sewajarnya kepada calon berkenaan.

14. LAWATAN SESI LAWATAN TEKNIKAL OLEH H.E. CHARLES HAY, PESURUHJAYA TINGGI BRITISH KE MALAYSIA

Untuk makluman satu sesi lawatan Teknikal oleh H.E. Charles Hay, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia ke Hutan Simpan Raja Musa akan diadakan pada 20 Februari 2020. Turut hadir mengiringi ialah YBM Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Hutan Simpan Raja Musa, Selangor telah diiktiraf di bawah Queen's Commonwealth Canopy (QCC) yang mana ianya telah diakredetasikan pada 13 September 2017 yang lalu. Hutan Simpan Raja Musa merupakan jenis Hutan Paya gambut dan ianya diuruskan berdasarkan amalan pengurusan hutan secara lestari.

Kerajaan Malaysia melalui YB Menteri NRE pada masa itu telah menerima surat penghargaan dari Buckingham Palace, London kerana usaha kerajaan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor menamakan Hutan Simpan Raja Musa, seluas 23,000 hektar sebagai tapak QCC di Malaysia.

15. STATUS PERJAWATAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Sebagaimana maklum, pengisian jawatan beberapa skim perkhidmatan sedang diusahakan pihak Jabatan. Bahagian Khidmat Pengurusan disaran merangka strategi pengisian perjawatan yang belum diisi dapat segera dibuat dan tidak dilengah-lengahkan.

BIL.	JAWATAN & GRED	KESELURUHAN			IBUPEJABAT			JPN		
		J	I	K	J	I	K	J	I	K
1	PEM ELIHARA HUTAN GRED JUSA A	1	0	1	1	0	1	0	0	0
2	PEM ELIHARA HUTAN GRED JUSA B	2	2	0	2	2	0	0	0	0
3	PEM ELIHARA HUTAN GRED JUSA C	3	2	1	3	2	1	0	0	0
4	PEM ELIHARA HUTAN GRED G54	13	11	2	5	5	0	8	6	2
5	PEM ELIHARA HUTAN GRED G52	21	16	5	10	6	4	11	10	1
6	PEM ELIHARA HUTAN GRED G48	37	37	0	20	20	0	17	17	0
7	PEM ELIHARA HUTAN GRED G44	60	54	6	33	28	5	27	26	1
8	PEM ELIHARA HUTAN GRED G41/G44	115	101	14	50	41	9	65	60	5
9	RENJER HUTAN/PENO LONG PEMELIHARA HUTAN GRED G40	1	0	1	1	0	1	0	0	0
10	RENJER HUTAN/PENO LONG PEMELIHARA HUTAN GRED G36	21	14	7	9	5	4	12	9	3
11	RENJER HUTAN/PENO LONG PEMELIHARA HUTAN GRED G32/G36	82	58	24	26	23	3	56	35	21
12	RENJER HUTAN/PENO LONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29/G32	281	172	109	63	33	30	218	139	79
13	PENGAWAS HUTAN GRED G28	2	0	2	0	0	0	2	0	2
14	PENGAWAS HUTAN GRED G26	14	2	12	0	0	0	14	2	12
15	PENGAWAS HUTAN GRED G22	222	23	199	0	0	0	222	23	199
16	PENGAWAS HUTAN GRED G19/G22	1532	1183	349	48	32	16	1484	1151	333
17	PENGAWAS HUTAN GRED G11/G14	64	52	12	1	0	1	63	52	11
18	RENJER HUTAN GRED G22 (PENGAJAR PEMBALAK)	2	2	0	2	2	0	0	0	0
19	RENJER HUTAN GRED G19/G22 (PENGAJAR PEMBALAK)	10	8	2	10	8	2	0	0	0
	JUM LAH	2483	1737	746	284	207	77	2199	1530	669

16. PRESTASI PERBELANJAAN KEWANGAN RP4 TAHUN 2019

Prestasi perbelanjaan JPSM sehingga **16 Februari 2020** adalah **sebanyak RM1.47 juta atau 2.95%** daripada peruntukan yang diluluskan (RM49.79 juta) iaitu melebihi unjuran perbelanjaan bagi bulan Februari sebanyak 45%.

17. PENYEDIAAN PERMOHONAN RMKE-12

Kementerian Hal Ehwal ekonomi (MEA) telah mengeluarkan Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025: Prospek Ekonomi, Kerangka Keberhasilan Bersepadu Nasional Serta Perancangan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan yang bertujuan menjadi rujukan dan makluman semasa penyediaan projek pembangunan bagi RMKe-12. Dalam memastikan pelaksanaan RMKe-12 berjalan lancar, pendekatan berdasarkan *outcome* masih diteruskan. Pendekatan berdasarkan *outcome* ini akan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi serta mengukur pencapaian *outcome* di peringkat jabatan dan kementerian. Proses agihan peruntukan pembangunan dan mengurus dapat dibuat dengan lebih cekap dan optimum dengan mengutamakan prinsip nilai terbaik untuk wang, selain memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pemantauan RMKe-12 selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan *Sustainable Development Goals* (SDG). Satu program libat urus kementerian KATS bersama-sama kerajaan negeri bagi cadangan permohonan projek pembangunan RMKe-12 telah diadakan pada 17 Februari 2020. Program libat urus ini diadakan bagi membincangkan mengenai senarai projek yang telah

dikemukakan bertujuan untuk menyelaras permohonan projek bagi mengelakkan sebarang pertindihan permohonan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta memastikan permohonan RMKe-12 kelak selari dengan keperluan pemegang taruh di peringkat negeri.

18. CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKE-12 IPJPSM

Mesyuarat Perancangan Projek Pembangunan RMKe-12 telah diadakan pada 16-17 Febuari bagi memuktamadkan cadangan senarai projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12. Selepas Mesyuarat Perancangan Projek Pembangunan RMKe-12 dan program libat urus bersama pihak KATS, **sebanyak 35 projek** telah disenaraikan dalam cadangan permohonan peruntukan pembangunan RMKe-12 JPSM termasuk beberapa permohonan yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Negeri dengan kos keseluruhan **sebanyak RM500 juta**. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut bergantung kepada **agihan siling oleh MEA**.

19. PERANCANGAN PROSES PERMOHONAN PROJEK BAGI TAHUN 2021 RMKE-12

Proses permohonan bagi pengisian projek/program RMKe-12 tahun 2021 ke dalam **sistem SPPII akan bermula daripada 1 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020**. Pihak Bahagian Pembangunan, KATS akan memaklumkan kepada Jabatan/Agenzi/Bahagian berkaitan jadual dan perancangan permohonan program/projek berdasarkan arahan terkini

oleh MEA. Bahagian Pembangunan, KATS telah mengeluarkan takwim tarikh-tarikh penting dalam proses permohonan RMKe-12 iaitu:

i.	Bengkel SPPII	-	2-3 Feb 2020
ii.	Sesi <i>engagement</i> bersama kerajaan negeri	-	17 Feb 2020
iii.	Taklimat dan latihan permohonan projek RMKe-12 Tahun 2021	-	Februari 2020 (Tertakluk kepada arahan MEA)
iv.	Agihan Siling Bayangan Kementerian bagi RMKe-12	-	Tertakluk kepada pemakluman MEA
v.	<i>Budget Screening</i> KATS	-	9/3/2020 hingga 13/3/2020
vi.	Pembentangan kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Berhubung Permohonan Bajet (DE) 2021 KATS - Peringkat KSU (Pegawai Pengawal) - Peringkat Pejabat YBM	-	Tertakluk kepada tarikh Pengurusan Tertinggi KATS (dijangka 20 Mac 2020)
vii.	Pengesahan Permohonan Projek melalui e-Permohonan	-	20/3/2020 hingga 25/3/2020

20. PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN (PPT) JPSM

BAGI TAHUN 2020

PPT JPSM Tahun 2020 telah diluluskan oleh pegawai pengawal dan telah dikunci masuk ke dalam sistem ePerolehan. Setiap Bahagian/Unit diminta memastikan perolehan ini dilaksanakan berdasarkan PPT yang telah diluluskan dan sentiasa mematuhi semua arahan/peraturan/pekeliling perbendaharaan dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

21. PENYEDIAAN BAJET MENGURUS 2021 (B23)

Semua Bahagian/Unit dimohon untuk mengemukakan keperluan Dasar Baru/Dasar One-Off menggunakan Format yang ditetapkan dengan mengasingkan keperluan Dasar Baru (Program/Aktiviti baru termasuk tambahan, sambungan atau perluasan kepada dasar sedia ada) dan Dasar One-off (Sesuatu perbelanjaan yang tidak berulang/hanya sekali). Kerjasama Bahagian/Unit adalah dimohon untuk membuat anggaran keperluan dan dikembalikan kepada Seksyen Bajet, BKP selewat-lewatnya pada 28 Februari 2020 (Jumaat).

22. PENGURUSAN KEWANGAN

- i. Semua Pengarah Bahagian/Ketua Unit adalah diminta untuk memberi perhatian yang serius terhadap pengurusan kewangan dan tatacara perolehan semasa serta memastikan teguran yang dibangkitkan di dalam Laporan Audit sebelum ini diambil tindakan sewajarnya dan tidak berulang.
- ii. Bagi permohonan tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa bulan Disember 2019, bayaran akan dibuat di bawah AP58a dan dalam proses penyediaan untuk dipanjangkan ke KATS. Jangkaan bayaran adalah pada penghujung bulan Mac atau awal bulan April 2020.

23. SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) TAHUN 2020 SECARA ATAS TALIAN MELALUI MODUL HRMIS

Semua Pengarah Bahagian/Ketua Unit diminta mengingatkan kepada pegawai masing-masing untuk membuat pengisian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2020 secara atas talian melalui Modul HRMIS dan menghantar kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP). Jadual pelaksanaan pengemaskinian SKT HRMIS adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Pegawai Yang Dinilai (PYD) Mewujudkan SKT Tahun 2020 dan menghantar kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP)	05 Februari hingga 06 Mac 2020

2.	Pegawai Penilai Pertama (PPP) Membuat Pengesahan SKT Tahun 2020 untuk PYD	09 Mac hingga 23 Mac 2020
----	--	--------------------------------------

24. PEGAWAI YANG DILULUSKAN KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN

Jabatan merakamkan ucapan tahniah kepada para pegawai yang diluluskan kenaikan pangkat dan pemangkuan seperti berikut:

- i. Kenaikan pangkat seorang Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E52 (berkuatkuasa 5 September 2019); dan
- ii. Pemangkuan jawatan lima (5) orang Pemelihara Hutan Gred G52 (berkuatkuasa 1 Mac 2020).

Semoga tuan/puan akan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia khususnya dan Perkhidmatan Awam secara amnya.

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Saya yakin dan percaya, dengan sifat toleransi, bersatu-padu, hormat-menghormati dan bekerjasama di setiap lapisan warga perhutanan, segala perancangan dan usaha dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan dengan melipat gandakan lagi usaha untuk bekerja dengan lebih gigih demi kegemilangan Jabatan yang kita cintai ini.

Sebelum saya mengakhir ucapan, izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Warga kerja JPSM, sama ada di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri yang sudi hadir bersama pada majlis perhimpunan bulanan JPSM pada kali ini. Terima kasih juga kepada Bahagian Khidmat Pengurusan selaku tuan rumah majlis pada kali ini.

Sekian terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dato' Mohd Ridza bin Awang
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
21 Februari 2020

-TAMAT-